

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

# **GARIS PANDUAN UMK RISING STAR**



**[2020]**

## **SENARAI KANDUNGAN**

### **BAHAGIAN 1 (PERMOHONAN)**

- 1.1 Tujuan
- 1.2 Bidang Penyelidikan
- 1.3 Kelayakan
- 1.4 Syarat Permohonan
- 1.5 Peraturan Permohonan
- 1.6 Kaedah Penilaian
- 1.7 Peraturan Kewangan
- 1.8 Hasil Penyelidikan
- 1.9 Tarikh Buka & Tarikh Tutup Permohonan

### **BAHAGIAN 2 (PEMANTAUAN)**

- 2.1 Implementasi Projek
- 2.2 Pengawalan Projek

### **BAHAGIAN 3 (LAIN-LAIN)**

- 3.1 Penyelidik cuti belajar/menamatkan perkhidmatan/berpindah
- 3.2 Pertukaran Ketua Projek/Penambahan atau Pengguguran Ahli
- 3.3 Pelanjutan tempoh penyelidikan
- 3.4 Permohonan Viremen

## BAHAGIAN 1 (PERMOHONAN)

### 1.1 Tujuan

- 1.1 Memberi pendedahan penyelidikan kepada kakitangan akademik baru dalam usaha memupuk dan membina keupayaan dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D).
- 1.2 Menyokong aktiviti penyelidikan jangka pendek dalam bidang yang bersesuaian untuk tujuan pengajaran.
- 1.3 Membantu dalam penjanaaan ilmu pengetahuan baru, pembangunan teknologi, produk dan proses dalam bidang yang berkaitan dengan kepentingan Universiti.
- 1.4 Menjana pembangunan sumber manusia dalam penyelidikan.
- 1.5 Menggalakkan penyelidikan yang mempunyai kerjasama dengan pihak industri/agensi/masyarakat.
- 1.6 Meningkatkan bilangan penerbitan dalam jurnal berimpak tinggi iaitu kuartil 1 atau 2 dalam pengindeksan *Web of Science*.

### 1.2 Bidang Penyelidikan

- 1.2.1 Pembiayaan geran ini meliputi semua bidang penyelidikan/pengajian yang terdapat di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang dapat menyokong agenda strategik negara secara amnya dan mendukung *niche* Universiti ke peringkat yang lebih tinggi secara khasnya.

### 1.3 Kelayakan

#### 1.3.1 Skim ini terbuka kepada :

- i) Skim ini terbuka kepada Penerima UMK Rising Star sahaja.
- ii) Penerima geran ini perlu menambah seorang staf akademik UMK sebagai ahli yang merupakan mentee bagi program UMK Rising Star. Pelantikan mentee dibuat oleh pihak Bahagian Penerbitan dan Penarafan.
- iii) Seseorang staf **tidak boleh** memegang lebih daripada satu (1) geran UMK Rising Star sebagai Ketua Penyelidik sepanjang perkhidmatan.

## 1.4 Syarat Permohonan

- 1.4.1 Setiap pemohon adalah penerima UMK Rising Star dan hanya dibenarkan untuk memohon **SATU** (1) kali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatannya.
- 1.4.2 Jumlah peruntukan diberikan adalah RM 20,000 bagi Sains dan Teknologi, manakala RM 10,000 bagi Sains Sosial.
- 1.4.3 Tempoh untuk pelaksanaan projek penyelidikan di bawah skim ini adalah **hanya 1 tahun**.
- 1.4.4 Projek - projek penyelidikan yang dicadangkan hendaklah tertumpu dan berfokuskan keperluan penyelidikan **dalam dan luar Negara mengikut bidang tujahan *Sustainable Development Goal***.

## 1.5 Peraturan Permohonan

- 1.5.1 Permohonan adalah secara atas talian melalui aplikasi Research Management System (RMS).
- 1.5.2 Permohonan ini hanya dibuka kepada projek penyelidikan yang menepati syarat permohonan seperti Perkara 1.3 sahaja.

## 1.6 Kaedah Penilaian

- 1.6.1 Penerima UMK Rising Star wajib mengemukakan kertas cadangan penyelidikan. Semua kertas cadangan penyelidikan akan dinilai oleh dua (2) panel yang dilantik oleh Bahagian Penerbitan dan Penarafan.
- 1.6.2 Penerima UMK Rising Star akan membuat pembetulan berdasarkan komen dari panel penilai yang dilantik.
- 1.6.3 Penilai kertas cadangan adalah dari pakar bidang bagi kertas cadangan yang dikemukakan.

## 1.7 Peraturan Kewangan

1.7.1 Prosedur perolehan / pembelian / perbelanjaan adalah tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan terkini dan Peraturan Kewangan Universiti yang sedang digunapakai dan berkuatkuasa.

1.7.2 Butiran perbelanjaan / perolehan / pembelian yang dibenarkan hanya meliputi peruntukan bagi vot perbelanjaan berikut:

### a) Vot 11000 – Gaji dan Upah

Upah dan Elaun untuk Pembantu Penyelidik/ Pegawai Penyelidik (RA/ RO) serta Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) adalah mengikut garis panduan universiti

### b) Vot 21000 – Perjalanan & Pengangkutan

- i) Perbelanjaan ini merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan **dalam Negara** yang berkaitan dengan projek yang dijalankan sahaja.
- ii) Kadar tuntutan perjalanan dan pengangkutan pembantu penyelidik siswazah (GRA) adalah tertakluk kepada kadar elaun pelajar UMK yang sedang berkuatkuasa.
- iii) Kadar tuntutan perjalanan dan pengangkutan kumpulan penyelidik yang lain pula tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan yang digunapakai dan sedang berkuatkuasa.

### c) Vot 24000 – Sewaan

- i) Sewaan yang dibenarkan hanya untuk peralatan, pengangkutan yang digunakan secara langsung dengan penyelidikan.
- ii) Permohonan sewaan peralatan untuk kegunaan projek penyelidikan hendaklah dikemukakan ke pejabat Sekretariat/Urusetia UMK Rising Star dengan menggunakan Borang Permohonan Pembelian/ Penyewaan Peralatan Penyelidikan: UMK (B01.08.02)(27-15) untuk kelulusan.

#### **d) Vot 27000 – Bekalan dan Bahan Penyelidikan**

Perbelanjaan untuk pembelian bekalan dan bahan-bahan untuk kegunaan projek penyelidikan yang dijalankan sahaja.

#### **e) Vot 29000 – Perkhidmatan Ikhtisas**

Meliputi perkhidmatan - perkhidmatan lain termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultasi, perkhidmatan *proofread*, pemprosesan data/bahan kajian dan lain-lain perkhidmatan yang berkait dengan projek penyelidikan.

### **1.8 Hasil Penyelidikan**

#### **1.8.1 Penerbitan**

- i) KPI yang telah ditetapkan adalah 2 artikel berindeks diterbitkan atau diterima dalam jurnal Q1 dan Q2 dalam masa setahun.
- ii) Selain jurnal berindeks peserta program diwajibkan untuk menerbitkan sekurang-kurangnya dua (2) artikel berindeks (others publication) contohnya bab dalam buku, artikel untuk majalah dan sebagainya.
- iii) Penghargaan kepada geran **mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.**

#### **1.8.2 Hak Harta Intelek & Hasil Pengkomersilan**

- i) Setiap produk yang dihasilkan melalui projek ini dimestikan untuk memohon pendaftaran Harta Intelek di dalam Negara atas nama Universiti Malaysia Kelantan.
- ii) Hasil pengkomersilan dari projek penyelidikan di bawah geran ini mestilah diurus dan diagihkan mengikut Polisi Harta Intelek dan Pengkomersialan Universiti yang sedang berkuatkuasa.

- iii) Bahagian Inovasi dan Pengkomersialan (ICD) merupakan jabatan yang bertanggungjawab dalam pengurusan harta intelek dan hasil pengkomersialan Universiti.

### 1.8.3 Kolaborasi Penyelidikan

- i) Penerima dikehendaki untuk menjalinkan kerjasama sekurang-kurangnya dengan agensi atau industri di peringkat nasional dan satu di peringkat antarabangsa sebelum umur 45 tahun.

## 1.9 Tarikh Buka dan Tutup Permohonan

Tempoh permohonan adalah tertakluk kepada keputusan Pengarah Bahagian Penerbitan dan Penarafan.

## BAHAGIAN 2 (PEMANTAUAN)

### 2.1 Implementasi Projek

2.1.1 Semua projek yang diluluskan di bawah Skim Geran Penyelidikan UMK Rising Star akan dipantau dari aspek-aspek berikut:-

- (i) Prestasi Projek
- (ii) Prestasi Kewangan

### 2.2 Pengawalan Projek

2.2.1 Semua penyelidik **dimestikan** untuk mengisi dan menghantar **Laporan Prestasi Projek** kepada Sekretariat / Urusetia dengan menggunakan Borang Laporan Prestasi **UMK(B01.08.02) (7-16)**

2.2.2 Pengurusan pemantauan dan pelaporan projek adalah di bawah **tanggungjawab Bahagian Penerbitan dan Penarafan** di mana penyelidik tersebut adalah ahli.

2.2.3 Borang laporan yang lengkap dan telah diperakukan di peringkat fakulti mesti dikemukakan kepada Sekretariat/Urusetia UMK Rising Star iaitu PRD setiap 3 bulan (4 kali sepanjang jangkamasa penyelidikan)

- 2.2.4 Kegagalan untuk menyediakan dan mengemukakan Borang Laporan Prestasi Penyelidikan yang memuaskan dalam tempoh yang ditetapkan, boleh menyebabkan projek penyelidikan tersebut digantung atau ditamatkan dan direkodkan dalam fail peribadi penyelidik berkenaan.
- 2.2.5 Laporan Akhir penyelidikan perlu dihantar **dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tarikh tamat projek penyelidikan ke Bahagian Penerbitan dan Penarafan (PRD)** dengan menggunakan format yang telah ditetapkan dan dilampirkan bersama salinan penerbitan selama tempoh projek dilaksanakan.
- 2.2.6 Dokumen Laporan Akhir yang diperlu dikemukakan adalah seperti berikut:
- a) Borang Laporan Akhir Projek (UMK(B01.08.02)(5-16)
  - b) Profil Penyelidikan (5 muka surat)
  - c) Hasil Penyelidikan (disertakan bahan bukti)
    - Penerbitan
    - Harta Intelek
    - Lain-lain hasil penyelidikan yang berkaitan
- 2.2.7 Penyelidik yang gagal menghantar laporan akhir dan gagal menjalankan penyelidikan dengan memuaskan, setelah tamat tempoh penyelidikan yang diluluskan boleh diminta membayar balik kepada Universiti segala perbelanjaan yang telah digunakan tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Tetap Senat Keusahawanan, Inovasi dan Penyelidikan.

### **BAHAGIAN 3 (LAIN-LAIN HAL)**

#### **3.1 Penyelidik cuti belajar/menamatkan perkhidmatan/berpindah**

- 3.1.1 Penyelidik hendaklah memaklumkan kepada Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi dan salinan kepada Sekretariat /Urusetia secara bertulis dengan sokongan Dekan Fakulti untuk penamatan geran ini.



### **3.2 Pertukaran Ketua Projek/Penambahan atau Pengguguran Ahli**

3.2.1 Geran ini tidak membenarkan penukaran ketua projek.

3.2.2 Penambahan atau pengguguran ahli adalah dibenarkan dengan membuat permohonan melalui borang UMK(B01.08.02)(28-15).

### **3.3 Pelanjutan tempoh penyelidikan**

3.3.1 Tiada pelanjutan yang dibenarkan dalam geran ini

### **3.4 Permohonan viremen**

3.4.1 Penyelidik boleh memohon untuk membuat viremen bagi akaun penyelidikannya dengan mengemukakan Borang Permohonan Viremen (UMK/B01.08.02)(23-15) kepada Urusetia/Sekretariat. Viremen hanya boleh dilakukan sekali setahun sahaja.

3.4.2 Kuasa pelulus bagi permohonan viremen adalah Pengarah, di Bahagian Penerbitan dan Penarafan.